

## **KEWAJIPAN PENCARUM TAKAFUL MEMBAYAR ZAKAT: SATU PENILAIAN SEMULA**

### **The Obligation of Takaful Contributors to Pay Zakat: A Reassessment**

**Nurul Syahirah Amat Zainordin\*, Ahmad Hidayat Buang\*,  
Mohd Zaidi Daud\*, Mohd Hafiz Jamaludin\*, Arip Purkon\*\***

\*Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti  
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*\*Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah,  
Jakarta, Jl. Ir. H. Djuanda No. 95 Ciputat, Kota Tangerang Selatan 15412,  
Indonesia

\*(Corresponding author) e-mail: zaididaud@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol32no3.3>

#### **ABSTRACT**

*Nowadays, various Islamic financial products, including takaful, are subject to zakat obligations. Takaful products, particularly Family Takaful, are among the Islamic financial offerings in Malaysia that contain elements of wealth liable for zakat based on their savings and investment components. This study aims to analyze the zakat rulings on family takaful contributions by considering the views of Islamic scholars, current practices, and contemporary fatwas. The study employs a qualitative approach using library-based data to obtain accurate information on the research questions. The*

*methodology of content analysis is a qualitative approach employed in this study, involving the examination of texts, documents, and descriptive data. This methodology is applied to assess the necessity of zakat obligations for takaful contributors. The analysis adopts a systematic process to comprehend the concepts, principles, and implementation of zakat for takaful contributors. The findings indicate that takaful funds, whether in the form of investments, savings, or compensation, are categorized as either savings or income. When the pillars and conditions of zakat, particularly nisab and haul, are fulfilled, zakat becomes obligatory on the participants or their beneficiaries. Considering that the purpose of takaful is protection and risk management, this article seeks to re-evaluate the obligation of zakat on takaful based on the eligibility criteria, particularly conditions such as exceeding basic needs, being free from debt, and full ownership.*

**Keywords:** *zakat, takaful, family takaful, takaful zakat, Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Pada masa kini, pelbagai produk kewangan Islam, termasuk takaful, tertakluk kepada kewajipan zakat. Produk takaful, khususnya Takaful Keluarga, merupakan antara tawaran kewangan Islam di Malaysia yang mengandungi elemen harta yang wajib dizakatkan berdasarkan komponen simpanan dan pelaburannya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hukum zakat ke atas caruman takaful keluarga dengan mengambil kira pandangan ulama Islam, amalan semasa, dan fatwa kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan data perpustakaan untuk memperoleh maklumat tepat mengenai persoalan kajian. Metodologi analisis kandungan adalah pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini, melibatkan pemeriksaan teks, dokumen, dan data deskriptif. Metodologi ini digunakan untuk menilai keperluan kewajipan zakat bagi penyumbang takaful. Analisis ini mengadopsi proses sistematik untuk memahami konsep, prinsip, dan pelaksanaan zakat bagi penyumbang takaful. Hasil kajian menunjukkan bahawa dana takaful, sama ada dalam bentuk pelaburan, simpanan, atau pampasan, dikategorikan sebagai simpanan atau pendapatan. Apabila*

*rukun dan syarat zakat, terutamanya nisab dan haul, dipenuhi, zakat menjadi wajib ke atas peserta atau penerima manfaat mereka. Memandangkan tujuan takaful adalah perlindungan dan pengurusan risiko, artikel ini berusaha untuk menilai semula kewajipan zakat ke atas takaful berdasarkan kriteria kelayakan, terutamanya syarat seperti melebihi keperluan asas, bebas daripada hutang, dan pemilikan penuh.*

**Kata Kunci:** *zakat, takaful, takaful keluarga, zakat takaful, Malaysia*

## PENDAHULUAN

Perkembangan aktiviti ekonomi moden pada masa kini telah mengubah cara dan bentuk kekayaan seseorang diperolehi. Hasil daripada aktiviti ekonomi ini boleh memberikan keuntungan atau pendapatan yang lebih banyak berbanding dengan kegiatan pada masa dahulu seperti pertanian dan ternakan. Sungguhpun zakat telah ditetapkan oleh hukum Syarak kepada harta-harta tertentu, namun melalui *ijtihad* harta-harta lain yang tidak dinyatakan secara khusus oleh teks Syarak juga dikenakan zakat. Perkara ini diambil daripada ekonomi masyarakat yang berlaku ketika itu. Sungguhpun demikian masih terdapat polemik dan perbincangan di kalangan para sarjana Islam masa kini mengenai beberapa bentuk harta terutama yang bersifat kewangan di mana sungguhpun ianya di bawah hak milikan seseorang namun tidak mempunyai kebebasan untuk bertransaksi dengan harta berkenaan kerana sekatan yang dipersetujui secara kontrak atau perundangan.<sup>1</sup> Sebagai contoh wang simpanan pekerja atau KWSP dan tabung simpanan (*reserved fund*) yang diwajibkan oleh undang-undang.<sup>2</sup> Melalui fatwa wang simpanan KWSP hanya dikenakan zakat selepas penerimaannya dan mencukupi nisab dan haul (syarat haul ini diberi pilihan iaitu digalakkan menunaikannya sejurus menerima wang tersebut dengan syarat mencukupi nisab).<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Shahidra Binti Abdul Khalil, 'Hukum Zakat Ke Atas Wang Caruman Takaful: Kajian di Syarikat Takaful Malaysia Berhad' (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006): 86.

<sup>2</sup> Mohd. Faisal Ibrahim dan Suhaina Musani, *Zakat dan Pelaksanaan di Malaysia* (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2010).

<sup>3</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-5 yang bersidang pada 16-17 November 1982 di Kuala Lumpur. Pindaan pada Muzakarah kali ke-74 pada 25-27 Julai 2006. [https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/10\\_Fatwa\\_Kesepuluh.pdf](https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/10_Fatwa_Kesepuluh.pdf)

Kaedah hukum yang sama juga berlaku kepada harta-harta yang diperoleh daripada simpanan dan pelaburan sumbangan takaful termasuk apa-apa pampasan dan manfaat kewangan yang diterima oleh peserta takaful<sup>4</sup> atau waris mereka (secara kolektifnya untuk perbincangan artikel ini akan dikenali dengan hasil sumbangan takaful). Perbincangan mengenai kewajipan zakat takaful bermula sejak dari tahun 2013 yang kemudiannya diikuti dengan fatwa mewajibkannya di Selangor pada tahun 2016 dan dikemaskini pada tahun 2017.<sup>5</sup> Pihak-pihak berwajib dalam urusan pungutan zakat seperti Lembaga atau Pusat Pungutan Zakat mempunyai panduan dan garis panduan bagaimana untuk mengenakan zakat kepada hasil sumbangan takaful ini. Sebagai contoh Lembaga Zakat Selangor menyatakan bahawa produk takaful merupakan salah satu bentuk simpanan/pelaburan yang mempunyai unsur harta zakawi dan tertakluk kepada kewajipan zakat jika ia telah memenuhi syarat-syaratnya.<sup>6</sup> Penjelasan berkenaan membuat enam kategori produk hasil sumbangan takaful yang dikenakan zakat iaitu; (1) produk takaful yang mempunyai serah atau nilai tunai (*cash value*), (2) produk takaful yang mencapai tempoh matang, (3) bayaran pampasan akibat kematian, (4) wang pulangan tunai dana *tabarru'*, (5) bayaran manfaat keilatan kekal dan menyeluruh serta, (6) pampasan polisi insurans konvensional.<sup>7</sup> Artikel ini oleh itu bertujuan untuk membuat analisis terhadap tajuk ini dengan menumpukan perbincangan kepada prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang digunakan bagi pengenaan zakat produk takaful serta menilainya secara keseluruhan dengan mengambil kira tujuan dan matlamat takaful itu sendiri. Ini untuk menjadikan kewajipan membayar zakat berkenaan benar-benar menepati maksud kewajipan berzakat iaitu penyucian kepada hasil-hasil harta yang produktif atau subur (*nama'*), membantu golongan asnaf serta mencapai maqasid Syariah terhadap perlindungan atau penjagaan harta (*hifz al-mal*).

---

<sup>4</sup> Di dalam produk takaful pemegang polisi atau pencazum dikenali dengan peserta (participant) kerana bentuk kontrak Takaful yang berasaskan kepada prinsip *tabarru'*.

<sup>5</sup> Nur Amirah Jaafar, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, 'Persepsi dan Tahap Pengetahuan Peserta dan Agen Takaful Terhadap Pelaksanaan Zakat Takaful: Kajian Di Shah Alam, Selangor', *International Journal of Islamic Studies and Civilizational Studies*. 6/2 (2019): 40.

<sup>6</sup> Lembaga Zakat Selangor, Zakat Takaful: <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-takaful/>, 7 April 2023.

<sup>7</sup> Berasaskan kepada Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwa; Ugama Islam Malaysia *Ke-94 yang bersidang pada 20 -22 April 2011*.

## PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian mengenai kewajipan pencarum takaful membayar zakat di Malaysia adalah wajar dan relevan memandangkan perkembangan pesat industri takaful dan keperluan untuk memastikan keserasian operasinya dengan prinsip syariah, khususnya berkaitan zakat. Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global mencatat pertumbuhan ketara dalam sektor takaful, dengan peningkatan jumlah pencarum yang menjadikan isu ini penting untuk diteliti dari sudut perundangan dan maqasid syariah.<sup>8</sup> Walaupun takaful berasaskan konsep ta'awun (tolong-menolong) dan tabarru' (sumbangan ikhlas), terdapat kekeliruan mengenai status sumbangan takaful sama ada ia memenuhi kriteria harta yang wajib dizakatkan seperti yang ditetapkan oleh fuqaha. Kajian ini juga relevan dalam menyokong institusi zakat untuk menggubal panduan yang lebih jelas kepada pencarum, memastikan pelaksanaan zakat secara efektif, dan memperkukuhkan peranan zakat sebagai instrumen keadilan sosial.<sup>9</sup> Dengan pertumbuhan pesat produk kewangan Islam yang semakin kompleks, kajian ini menyediakan asas teori dan praktikal untuk menilai impak zakat terhadap pencarum dan ekonomi Islam secara keseluruhan.

Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia nilai pasaran aset takaful pada tahun 2022 adalah sebanyak 13.4 peratus dengan jumlah sebanyak RM43.6 billion bagi Takaful Keluarga dan RM6.2 billion bagi Takaful Am. Pertumbuhan jumlah aset bagi kedua-dua bentuk takaful ini adalah sebanyak 8.9 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun 2021. Manakala dari segi nilai sumbangan bersih (net contribution) takaful dalam pasaran ialah sebanyak 23% dengan jumlah sebanyak RM12.7 billion bagi Takaful Keluarga dan RM3.6 billion bagi Takaful Am. Ini adalah pertumbuhan sebanyak 18.1 peratus berbanding tahun 2021.<sup>10</sup> Dengan pertumbuhan yang memberangsangkan ini maka sudah tentulah akan terdapat faedah-faedah ekonomi terutama dari segi pengurusan risiko dan kerugian akibat kemalangan atau kematian termasuk modal tambahan di dalam pelaburan dan simpanan. Pada masa yang sama peningkatan dalam kegiatan ekonomi dalam sektor takaful juga dilihat memberi potensi tertentu dari aspek kutipan atau pungutan zakat. Namun pada masa yang sama, penganan zakat kepada produk takaful harus juga diimbang dengan tujuan takaful itu sendiri iaitu bagi menyediakan perlindungan dari

---

<sup>8</sup> Bank Negara Malaysia. (2023). Takaful Annual Report. <https://www.bnm.gov.my>

<sup>9</sup> Kahf, M., 'Zakat Management in Modern Islamic Economy', *Islamic Economic Studies*. 29(1)(2021): 45-67.

<sup>10</sup> Laporan Tahunan Bank Negara 2022.

kemalangan dan kerugian serta prinsip tolong menolong sesama peserta takaful.

Pelaksanaan zakat takaful di Malaysia menghadapi beberapa isu utama yang melibatkan pelbagai aspek hukum syarak, perundangan, dan amalan semasa. Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha dan ulama kontemporari tentang status sumbangan takaful sebagai harta wajib zakat. Sebahagian ulama berpendapat bahawa wang sumbangan takaful memenuhi kriteria harta yang berkembang (*al-mal al-nami*), manakala yang lain berpendapat ia bukan harta milik penuh pencarum, sebaliknya berbentuk tabarru'.<sup>11</sup> Selain itu, kekurangan garis panduan yang seragam dalam menentukan kadar, jenis, dan kaedah pengiraan zakat ke atas takaful menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pencarum.

Kebanyakan masyarakat kini memiliki perlindungan takaful sama ada mengambilnya atas inisiatif sendiri untuk melindungi diri atau ahli keluarga mereka atau melalui skim yang ditawarkan oleh majikan. Pertumbuhan yang mengalakkan ini dilaporkan berpunca daripada kesedaran masyarakat untuk mendapatkan perlindungan pasca pandemik dengan dibantu oleh pertambahan bilangan agen takaful yang membantu meningkatkan lagi penjualan sijil-sijil baru takaful. Perkembangan sebegini juga dibantu dengan inovasi produk takaful dan penggunaan teknologi digital atau *Fintech* dalam perniagaan takaful.<sup>12</sup> Pada satu sisi yang lain pula tidak banyak peserta takaful mempunyai maklumat tentang kewajipan zakat takaful. Satu soal selidik yang dijalankan terhadap 120 orang responden di sekitar Shah Alam pada tahun 2017 menunjukkan masih ramai yang tidak menyedari kewajipan membayar zakat produk takaful dengan purata min 2.32. Namun begitu terdapat jumlah yang signifikan dengan purata min 3.48 yang bersedia membayar zakat berkenaan sekiranya diwajibkan oleh undang-undang.<sup>13</sup> Dapatan ini berbeza dengan hasil kajian sebelum ini yang menyatakan faktor terpenting peningkatan kutipan zakat ialah kesedaran agama dan peningkatan pendapatan pembayar zakat.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup> Kahf, M., 'Zakat Management in Modern Islamic Economy', 45-67.

<sup>12</sup> Aniz Hazim, 'Malaysian takaful industry grows 18.3% in 2022 on higher demand for Islamic finance – MTA', The Edge, <https://theedgemaalaysia.com/node/663160>, akses pada 12 April 2023.

<sup>13</sup> Nur Amirah Jaafar et.al., 'Persepsi dan Tahap Pengetahuan Peserta dan Agen Takaful Terhadap Pelaksanaan Zakat Takaful: Kajian Di Shah Alam, Selangor', 48-49.

<sup>14</sup> Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 'Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal', *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 39 (2005): 57.

Dalam konteks sistem kewangan Islam, takaful telah berkembang pesat sebagai alternatif kepada insurans konvensional, memenuhi keperluan perlindungan kewangan yang mematuhi prinsip syariah. Walau bagaimanapun, isu mengenai kewajipan zakat ke atas pencarum takaful masih menjadi perbincangan yang kompleks, terutama melibatkan tafsiran harta, penetapan hukum, dan kaedah taksiran zakat. Hal ini berpunca daripada perbezaan pandangan dalam kalangan ulama serta kekeliruan masyarakat mengenai status dana takaful dan pematuhan terhadap hukum syarak. Kajian ini bertujuan untuk menilai semula kewajipan zakat ke atas pencarum takaful melalui analisis tiga aspek utama, iaitu tafsiran harta zakat, hukum zakat, dan kaedah taksiran zakat takaful keluarga, dengan harapan dapat menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam dan pelaksanaan zakat yang lebih efektif di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk menilai semula kewajipan zakat ke atas pencarum takaful dengan menumpukan kepada tiga aspek utama yang saling berkait rapat dalam memahami isu ini secara mendalam. Pertama, kajian ini akan menganalisis tafsiran harta zakat di bawah caruman takaful keluarga. Dalam aspek ini, kajian meneliti sama ada caruman takaful memenuhi kriteria harta yang dikenakan zakat seperti yang digariskan dalam hukum syarak, iaitu sifat *al-mal al-nami* (harta yang berkembang) dan pemilikan penuh. Analisis ini penting kerana terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama mengenai status dana takaful, yang ada kalanya dianggap sebagai sumbangan *tabarru'* (sumbangan sukarela), sekali gus menimbulkan kekeliruan mengenai kewajipan zakat ke atasnya.

Kajian ini akan menilai hukum zakat ke atas pencarum takaful keluarga dengan mengkaji pandangan *fuqaha* klasik dan kontemporari, serta analisis fatwa-fatwa terkini yang berkaitan. Kajian ini akan membincangkan implikasi *fiqh* dan *maqasid* syariah dalam menetapkan kewajipan zakat ke atas pencarum, dengan mengambil kira tujuan utama zakat sebagai alat untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dan membantu golongan *asnaf*. Kajian ini juga mempertimbangkan perbezaan antara konsep takaful dengan insurans konvensional, terutamanya dari sudut hukum syarak, untuk memastikan kesesuaian penetapan hukum zakat. Seterusnya kajian ini memberi tumpuan kepada kaedah taksiran zakat takaful keluarga, yang melibatkan analisis kaedah pengiraan zakat berdasarkan nilai caruman, keuntungan pelaburan, dan jumlah tuntutan yang diterima oleh pencarum. Kajian ini berusaha untuk mencadangkan kaedah pengiraan yang lebih jelas, sistematik, dan seragam agar dapat digunakan oleh institusi zakat dan pencarum di Malaysia. Dengan ini, pencarum akan lebih memahami tanggungjawab mereka, manakala institusi zakat dapat melaksanakan pungutan dan pengagihan zakat secara lebih efektif. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan pandangan yang

selaras dengan hukum syarak dan konteks amalan semasa di Malaysia. Penilaian semula ini diharap dapat memberikan sumbangan signifikan terhadap pembangunan kefahaman tentang kewajipan zakat takaful, mengurangkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat, serta menyokong institusi zakat untuk menggubal garis panduan yang lebih relevan dan praktikal sesuai dengan keperluan semasa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi analisis kandungan merupakan pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini yang melibatkan teks, dokumen, dan data deskriptif. Dalam konteks kajian bertajuk "Kewajipan Pencarum Takaful Membayar Zakat: Satu Penilaian Semula", metodologi ini diaplikasikan untuk menilai kewajaran dan keperluan kewajipan zakat ke atas harta takaful. Kajian ini melibatkan proses sistematik untuk memahami konsep, prinsip, dan pelaksanaan zakat bagi pencarum takaful berdasarkan perspektif hukum syarak, perundangan, dan amalan semasa. Kajian kepustakaan merupakan langkah utama dalam pengumpulan data bagi kajian ini. Ia melibatkan pemerolehan, penyaringan, dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber ilmiah dan dokumen relevan yang membincangkan isu kewajipan zakat dan takaful. Antara sumber yang digunakan termasuk dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan zakat dan konsep harta. kitab-kitab fiqh klasik seperti Al-Mughni oleh Ibn Qudamah dan Bidayat al-Mujtahid oleh Ibn Rushd, yang membincangkan prinsip-prinsip asas zakat serta al-Qaradawi menerusi Fiqh al-Zakat. Artikel jurnal ilmiah dan tesis akademik yang membincangkan isu-isu kontemporari berkaitan zakat dan takaful, Laporan tahunan institusi zakat seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan buku-buku rujukan seperti Zakat in Modern Islamic Economy oleh Monzer Kahf antara yang dirujuk dan digunakan. Proses kajian kepustakaan ini membolehkan penyelidik mengumpulkan maklumat komprehensif untuk memahami kedudukan takaful sebagai harta yang berpotensi dikenakan zakat.

Setelah data dikumpul, pendekatan analisis kandungan bertema digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis tema-tema utama yang berkaitan dengan isu zakat takaful. Proses analisis ini melibatkan langkah-langkah seperti pengenalpastian tema utama dimana data yang diperolehi daripada kajian kepustakaan dikategorikan kepada beberapa tema utama, termasuklah definisi dan kriteria harta wajib zakat menurut hukum syarak, kedudukan takaful dalam perspektif fiqh dan maqasid syariah, pandangan ulama kontemporari dan institusi zakat terhadap kewajipan zakat ke atas



pencarum takaful dan cabaran praktikal dalam pelaksanaan zakat takaful di Malaysia. Kemudiannya, setiap tema dianalisis dengan merujuk kepada prinsip-prinsip syariah, yang menekankan keadilan sosial, keseimbangan ekonomi, dan manfaat kepada masyarakat. Untuk memastikan kesahihan analisis, triangulasi dilakukan dengan membandingkan pandangan ulama klasik dan kontemporari, fatwa rasmi, serta laporan institusi zakat. Teknik ini memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang digunakan. Analisis ini turut melibatkan penilaian semula terhadap argumen yang digunakan dalam menentukan kewajipan zakat ke atas takaful.

Pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan analisis kandungan bertema dalam kajian ini membolehkan penyelidik memahami isu kewajipan zakat takaful secara mendalam dan holistik. Dengan memanfaatkan sumber-sumber primer dan sekunder, kajian ini bukan sahaja memberikan sumbangan ilmiah tetapi juga menawarkan panduan praktikal untuk institusi zakat dan masyarakat Muslim di Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

Menurut Shahidra Binti Abdul Khalil, pemilikan peserta takaful adalah tidak sempurna ke atas wang sumbangan takaful semasa ia berada di bawah simpanan syarikat atau operator takaful, maka zakat tidak diwajibkan ke atasnya.<sup>15</sup> Kewajipan berzakat ditunaikan apabila peserta telah menerima wang setelah mencapai tempoh matang sesuatu produk takaful. Penulis kajian itu juga menjelaskan bahawa wang sumbangan takaful adalah berlainan dengan wang yang disimpan di bank perdagangan di mana pemilik wang simpanan di bank perdagangan bebas mengeluarkan wang simpanannya pada bila-bila masa tanpa terikat dengan apa-apa halangan sedangkan peserta terikat dengan akad yang menjadikan wang tersebut berada di dalam jagaan operator takaful bagi beberapa tempoh yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, Nur Amirah Jaafar, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor berpandangan bahawa produk takaful boleh dikenakan zakat di bawah kategori zakat wang simpanan/pelaburan takaful.<sup>16</sup> Pandangan ini merujuk kepada penjelasan yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor sebagaimana yang dijelaskan di atas. Mengikut

---

<sup>15</sup> Shahidra Abdul Khalil, 'Hukum Zakat Ke Atas Wang Caruman Takaful: Kajian di Syarikat Takaful Malaysia Berhad' (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

<sup>16</sup> Nur Amirah Jaafar, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor, 'Persepsi dan Tahap Pengetahuan Peserta dan Agen Takaful Terhadap Pelaksanaan Zakat Takaful: Kajian Di Shah Alam, Selangor', *International Journal of Islamic Studies and Civilizational Studies*, 6/2 (2019): 35-54.

penulis-penulis berkenaan perbincangan mengenai kewajipan zakat Takaful bermula sejak dari tahun 2013 lagi oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Dalam konteks takaful keluarga<sup>17</sup> peserta perlu membayar zakat pada setiap tahun bagi nilai simpanan/ pelaburan yang boleh dikeluarkan (*cash value*) sahaja dan bukan jumlah wang yang akan diperoleh jika membatalkan polisi atau apa yang dikenali sebagai nilai serahan (*surrender value*). Setiap tahun operator takaful akan mengeluarkan penyata kewangan yang menyatakan jumlah *cash value* yang berada di dalam akaun peserta. Jika *cash value* ini mencapai nisab dan mencukupi haul maka zakat wajib dikeluarkan. Manakala bagi *surrender value* zakat tidak perlu dikeluarkan pada setiap tahun kerana tidak memenuhi syarat milik sempurna. Selain itu, LZS turut menyatakan bahawa hukum zakat untuk simpanan/pelaburan dalam polisi takaful adalah sama hukumnya dengan zakat untuk simpanan/wang di institusi kewangan. Panduan khusus dalam pengiraan zakat takaful ini juga telah dikeluarkan oleh LZS. Perbezaan pandangan antara kedua-dua penulis di atas merujuk kepada perbincangan dari sudut pemilikan sempurna bagi wang caruman takaful keluarga serta perbezaan status wang di bawah jagaan syarikat pengendali takaful dengan institusi kewangan yang membawa kepada hukum yang berlainan mengenai kewajipan berzakat. Namun begitu kedua-dua mereka tidak membahaskan aspek-aspek lain produk takaful seperti aspek produktiviti harta berkenaan serta tujuan takaful serta amalan operator takaful mengeluarkan zakat bagi tabung takaful yang dikendalikan.

Beberapa penulisan lain juga menghurai zakat produk takaful, namun menghuraikannya dari aspek yang berbeza iaitu mengenai kewajipan operator takaful itu sendiri mengeluarkan zakat.<sup>18</sup> Justifikasi Syariah bagi kewajipan ini adalah merujuk kepada prinsip *khultah* dalam pemilikan harta zakat.<sup>19</sup> Dengan memetik daripada *Mughni Muhtaj* penulis merumuskan bahawa *khultah* bermaksud aset-aset yang dimiliki oleh beberapa orang pemilik yang disimpan di tempat yang sama, dan segala pengurusan berkaitan dengannya diuruskan oleh satu pihak yang telah

---

<sup>17</sup> Di Malaysia terdapat dua produk takaful iaitu Takaful 'Am (General Takaful) dan Takaful Keluarga (Family Takaful). Lihat penjelasan seperti di bawah.

<sup>18</sup> Muhammad Ikhlas Rosele et.al., 'The Status Quo of Zakat Management In Malaysia: Obstacles, Opportunities and Directions'. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 18 (1) (2024): 94-110.

<sup>19</sup> Mohamed Shaarani, A. Z., & Ahmad, R., 'Aplikasi Konsep Khultah Dalam Pengiraan Zakat Di Malaysia: Analisis Isu, Cabaran Dan Penyelesaiannya', *Jurnal Syariah*, 25(2) (2017): 187-216.

dilantik oleh pemilik-pemilik harta tersebut. Tafsiran ini sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks pegangan saham Syarikat atau penyimpanan deposit sesuatu tabung simpanan seperti Tabung Haji, di mana zakat boleh dikeluarkan bagi pihak pemegang saham atau pendeposit. Namun konsep *khultah* ini boleh juga digunakan bagi pegangan harta seseorang yang dalam pelbagai bentuk namun mempunyai penentuan nisab yang sama dengan emas seperti wang simpanan atau pendapatan. Kekurangan dalam penulisan ini ialah tidak menjelaskan tanggungjawab peserta takaful dari segi pembayaran zakat. Ini terutamanya apabila syarikat atau operator Takaful hanya membayar zakat dari pendapatan pemegang saham. Tiada sebarang bayaran zakat dibuat dari Tabung atau Dana Takaful oleh Syarikat Takaful. Namun perkara ini boleh difahamkan kerana jika mengikut Takaful Operational Framework (TOP) Bank Negara Malaysia menjelaskan Dana berkenaan adalah milik peserta yang menyebabkan pihak Syarikat berpendapat mereka tidak bertanggungjawab membayar zakat berkenaan. Namun pada saat yang sama jika berlaku sesuatu perkara yang menjejaskan kemampuan dana takaful untuk membayar tuntutan atau pampasan, pihak peserta tidak bertanggungjawab, malah undang-undang memperuntukkan pihak Syarikat untuk memberikan pinjaman mengikut prinsip Qard kepada dana tersebut. Keadaan atau status dana ini yang sedemikian rupa sudah tentu memberi kesan kepada kewajipan zakat. Memandangkan tiada penulis yang cuba mengulas pembayaran zakat ini dengan melihat dari sudut justifikasi kewajipan harta-harta zakat dalam bentuk baru seperti yang dihuraikan oleh penulis moden seperti Qaradawi dan Syubair serta menilainya dari perspektif objektif dan tujuan produk takaful, justeru penulis merasakan pentingnya untuk menilai kembali penjelasan yang diberikan terutama oleh pihak Lembaga Zakat Selangor memandangkan ia merupakan pihak berautoriti dalam kutipan zakat di negeri Selangor.

## **KONSEP PENGENDALIAN TAKAFUL**

Perkataan takaful merupakan kata terbitan yang berasal dari kata kerja *takafala*, *yatakafalu*, *takafulan* yang bermaksud saling menjaga, saling memelihara dan saling menjamin. Pengertian bahasa ini digunakan dalam konteks moden perniagaan takaful di mana peserta takaful bersetuju untuk memberi sejumlah sumbangan wang dalam bentuk derma atau *tabarru'* ke dalam tabung yang dikongsi bersama dengan tujuan untuk membantu dalam mengurangkan risiko antara satu sama lain.<sup>20</sup> Akta Perkhidmatan

---

<sup>20</sup> Engku Rabiah Adawiah dan Hassan Scott Odierno, *Essential Guide to Takaful* (Islamic Insurance) (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2008): 4-5

Kewangan Islam 2013 (IFSA) memberi definisi takaful sebagai persepakatan antara sekumpulan individu bagi tujuan menguruskan sebarang musibah atau risiko tertentu. Definisi ini adalah ringkasan daripada peruntukan Akta Takaful 1984 yang menyatakan takaful sebagai skim yang berasaskan persaudaraan, kesatuan dan saling bantu-membantu yang menyediakan bantuan kewangan dan pertolongan atas dasar kerjasama kepada pencarum skim ketika mereka memerlukan bantuan melalui sumbangan bersama oleh para pencarum untuk tujuan tersebut.<sup>21</sup> Manakala dalam Standard 26/2 Islamic Insurance AAOIFI Takaful dijelaskan sebagai melibatkan pemberian sumbangan *tabarru'* sehingga terhasilnya satu dana tabungan yang dikategorikan sebagai *shakhsyiyah i'tibariyyah* (entiti perundangan) yang mempunyai hak dan tanggungjawab kewangan tersendiri. Kemudian, dana ini akan disalurkan kepada peserta takaful yang mengalami musibah berdasarkan syarat yang ditetapkan.

Berasaskan kepada definisi di atas perhubungan di antara peserta takaful adalah secara sukarela atau *tabarru'* melalui sumbangan yang dibuat. Konsep *tabarru'* ini adalah penting sebagai alternatif kepada kontrak insurans konvensional yang dilarang kerana mengandungi unsur riba (faedah), *gharar* (ketidakpastian) dan *maysir* (perjudian).<sup>22</sup> Hasil sumbangan ini akan membentuk satu entiti tersendiri yang akan dikenali sebagai Tabung atau Dana Takaful (*Takaful Fund*). Bagi memastikan tabung ini diuruskan secara profesional terutama bagi urusan kutipan sumbangan, pelaburan serta bayaran manfaat atau pampasan kepada peserta akan dikendalikan oleh pihak ketiga iaitu operator atau pengendali takaful. Perhubungan antara operator dan peserta takaful adalah secara akad perniagaan sama ada *mudarabah* atau *wakalah* atau secara campuran kedua-duanya atau dikenali dengan modul hibrid. Operator takaful akan menerima balasan kepada usaha mereka ini sama ada melalui perkongsian keuntungan dalam modul *mudarabah* atau bayaran upah dalam modul *wakalah* atau apa yang dikenali sebagai *wakalah bi al-ujrah* dan *wakalah bi al-istithmar*. Upah tersebut merangkumi perkhidmatan pemberian tenaga kerja dan kepakaran dalam mengendalikan dana takaful seperti proses pengunderaitan (penentuan kadar sumbangan pencarum ke dalam dana

---

<sup>21</sup> Ahmad Hidayat Buang, 'Takaful Akad Insurans atau Mudarabah?', *Jurnal Syariah*. 4/1 (1996): 139-153.

<sup>22</sup> Hendon Redzuan, Rubayah Yakob & Mohamad Abdul Hamid, *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans* (Selangor: Prentice Hall, Pearson Malaysia, 2006).

takaful), penilaian kes tuntutan pencarum dan lain-lain serta pengendalian pelaburan yang dilakukan terhadap tabung takaful.<sup>23</sup>

## **PELAN-PELAN TAKAFUL KELUARGA**

Takaful berperanan dalam memberi perlindungan harta dan nyawa apabila berlaku kejadian yang di luar jangka. Pelbagai kepentingan dapat diperoleh melalui produk-produk takaful yang ditawarkan. Di Malaysia, pelan takaful dibahagi kepada dua jenis iaitu takaful am dan takaful keluarga. Takaful am merupakan pelan yang menyediakan pampasan terhadap individu dan perniagaan bagi kerugian kewangan disebabkan oleh kerosakan atau bencana yang berlaku ke atas hartanah atau aset pencarum serta dilaksanakan dalam jangka masa pendek yang kebiasaannya dalam tempoh 12 bulan<sup>24</sup>. Perlindungan yang ditawarkan antaranya ialah takaful motor, takaful kemalangan/pelbagai kemalangan, takaful marin, takaful kejuruteraan dan lain-lain.<sup>25</sup>

Takaful keluarga pula merupakan simpanan jangka panjang dan instrumen pelaburan yang menyediakan jaminan bersama untuk bantuan kewangan jika berlaku musibah dan kesusahan seperti keilatan kekal, penyakit kritikal dan kematian. Produk-produk takaful keluarga mempunyai dua jenis iaitu takaful keluarga bagi individu dan berkelompok. Secara amnya, pelan Takaful Keluarga Individu adalah termasuk pelan takaful biasa bercirikan simpanan jangka panjang, pelan pelajaran, gadai janji dan kesihatan. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai variasi ciri-ciri produk yang ditawarkan oleh syarikat pengendali takaful sama ada dari aspek, skop dan manfaat perlindungan sesuatu produk. Peserta takaful atau waris mereka akan menerima manfaat kewangan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal, serta simpanan jangka panjang (pelaburan) dan keuntungan pelaburan yang akan

---

<sup>23</sup> Jamil Ramly et. al., *Buku Panduan Asas Takaful*, edisi kedua (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010): 74; Nurul Atikah Zulkifli et. al, 'Kepentingan Takaful dalam Memperkasa Matlamat Pemuliharaan Nyawa', *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. UNISZA (23-24 November 2019).

<sup>24</sup> Hendon Redzuan, Zuriah Abdul Rahman & Sharifah Sakinah Syed Hassan Aidid, 'Economic Determinants of Family Takaful Consumption: Evidence from Malaysia', *International Review of Business Research Papers*. 5/5 (2009): 193-211.

<sup>25</sup> Asmak Abd Rahman et. al., *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Kontemporari* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008): 65

diberi jika berlaku tuntutan, sijil menjadi matang atau serahan awal. Kelayakan penyertaan adalah berbeza mengikut pelan tertentu berdasarkan umur peserta, tempoh sijil, tahap kesihatan serta faktor-faktor lain yang disyaratkan oleh syarikat pengendali takaful.

Bagi pelan takaful keluarga biasanya bercirikan simpanan jangka panjang di mana keuntungan akan diagihkan kepada peserta takaful dengan kadar pulangan tertentu. Selain memberi pulangan ke atas pelaburan yang dijalankan, ia juga menyediakan perlindungan kepada peserta dalam tempoh matang sijil yang ditetapkan berdasarkan had umur peserta. Pelan ini memberikan manfaat perlindungan jika berlaku kematian atau keilangan upaya menyeluruh terhadap peserta sebelum tempoh matang sijil. Setelah sijil mencapai tempoh matang, peserta akan menerima pembayaran sekali gus daripada pendapatan pelaburan bersih berdasarkan jumlah terkumpul Akaun Peserta dan lebihan Akaun Khas Peserta. Terdapat pelbagai bentuk produk takaful keluarga ini. Sebagai contoh pelan takaful bagi tujuan pendidikan anak-anak yang menawarkan gabungan tabungan dan perlindungan bagi tujuan dana pendidikan anak di masa hadapan. Pelan ini menawarkan manfaat tambahan kepada pembayar dan anak tanpa melibatkan pembayaran caruman tambahan. Kelayakan penyertaan adalah bermula usia anak 30 hari sehingga usia 12 tahun. Wang sumbangan ini dibenarkan untuk dikeluarkan sebahagian simpanan tabungan ketika anak berusia 15 dan 18 tahun pada kadar yang ditentukan seperti 50 peratus daripada nilai simpanan. Sekiranya berlaku kematian atau keilangan kekal menyeluruh ke atas peserta, kesemua sumbangan termasuk manfaat tambahan ke atas anak akan dilunaskan sehingga tarikh matang. Namun, sekiranya anak telah meninggal dunia, manfaat perlindungan dan keuntungan yang terkumpul akan diberikan kepada peserta Takaful. Begitu juga sekiranya berlaku keilangan ke atas anak, manfaat keilangan akan diberikan dan apabila sijil telah matang, anak akan menerima wang yang terkumpul daripada Akaun Peserta.

Contoh seterusnya ialah pelan takaful gadai janji atau disebut sebagai *Mortgage Reduce Term Takaful* (MRTT) atau *Mortgage Level Term Takaful* (MLLT) pula akan melindungi baki pembiayaan rumah seseorang sekiranya peserta meninggal dunia atau mengalami keilangan kekal semasa tempoh pembayaran ansuran kepada institusi kewangan. Berbeza dengan pelan takaful keluarga biasa dan pelan takaful pendidikan anak, ia tiada unsur simpanan. Setelah pembiayaan perumahan telah ditebus, perumahan itu akan ditukar milik kepada peserta atau waris peserta. Sekiranya peserta menjual rumah tersebut atau membuat penebusan awal pembiayaan perumahan sebelum tamatnya tempoh takaful, peserta layak mendapat bayaran balik sumbangan takaful secara *pro rata* ke atas tempoh takaful

yang belum lupus. Manfaat khairat kematian turut diperolehi waris bagi tujuan perbelanjaan pengebumian. Pelan takaful anuiti pula bertujuan memberi pendapatan tetap selepas peserta bersara sehinggalah kematiannya. Ia kebiasaannya berdasarkan keperluan peserta bagi meneruskan kos sara hidup setelah ketiadaan punca pendapatan. Bagi kategori pelan takaful keluarga berkelompok, ia mengkhususkan perlindungan yang disertai oleh peserta dalam bentuk berkumpulan seperti koperasi, persatuan, pertubuhan atau organisasi tertentu yang ingin memberikan perlindungan kepada ahli mereka. Ia turut menawarkan pelan pelajaran berkumpulan dan kesihatan. Peserta akan mendapat perlindungan dalam bentuk manfaat kewangan apabila berlaku kematian atau keilangan kekal manakala waris pencarum turut diberikan manfaat khairat kematian.<sup>26</sup>

## **DANA TAKAFUL KELUARGA**

Produk takaful keluarga terdiri dari dua dana iaitu Dana Pelaburan Peserta (DPP) atau Akaun Peserta (AP) dan Dana Risiko Peserta (DRP) atau Akaun Khas Peserta (AKP). Tujuan DRP adalah bagi memenuhi semua tuntutan pembayaran manfaat dan ia merupakan dana wang terkumpul daripada sumbangan peserta takaful berdasarkan kepada *tabarru'*. Bahagian sumbangan atau derma kepada dana ini akan diperuntukkan juga kepada komisen, zakat, belanja pengurusan serta rizab, termasuk perkiraan *mudarabah*. Perbelanjaan dari dana ini ditentukan oleh undang-undang serta peraturan iaitu terhad hanya kepada perbelanjaan langsung dana berkenaan. Lebihan dana setelah ditolak perbelanjaan tersebut akan dikembalikan semula ke dalam DRP. Dana Pelaburan Peserta (DPP) pula secara asasnya digunakan untuk tujuan pelaburan bagi menjana keuntungan pelaburan sebanyak mungkin. Ia merupakan akaun individu peserta takaful yang hampir sama seperti akaun individu di institusi perbankan. Bergantung kepada kontrak takaful, segala keuntungan akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui oleh peserta yang merupakan pemodal dan pengendali takaful yang dianggap sebagai pengusaha.

Apabila kontrak takaful telah mencapai tempoh matang, amaun yang terkumpul di dalam DPP akan dikembalikan kepada peserta atau waris. Jika berlaku tuntutan bagi penamatan kontrak takaful, pihak yang menuntut akan menerima jumlah perlindungan yang dipersetujui dalam sijil. Ia

---

<sup>26</sup> Jamil Ramly et. al., *Buku Panduan Asas Takaful*, edisi kedua (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010): 203.

termasuk kesemua jumlah terkumpul dalam DPP. Sekiranya peserta menamatkan kontrak lebih awal, pencarum akan menerima semua amaun yang terkumpul dalam DPP, tanpa mengambil kira tempoh kuat kuasa yang dinyatakan dalam perjanjian. Aspek ini memberi keunikan kepada produk takaful berbanding produk insurans konvensional yang mana ia tiada nilai pengembalian sekiranya serahan berlaku dalam tempoh tiga tahun pertama polisi tersebut berkuat kuasa.<sup>27</sup> Ini adalah kerana asas kontrak yang berbeza antara takaful dan insurans konvensional di mana DPP dianggap sebagai milik peserta. Sungguhpun demikian pencarum dalam insurans konvensional boleh mendapatkan wang sekiranya caruman mereka mempunyai nilai serahan atau mengikut terma-terma sebagaimana di dalam kontrak mereka.

## **TAFSIRAN HARTA ZAKAT DI BAWAH CARUMAN TAKAFUL KELUARGA**

Melalui perkembangan masa dan ekonomi masyarakat Islam, ulama Fiqah telah meluaskan bentuk-bentuk harta yang dikenakan zakat memandangkan zakat itu satu bentuk ibadat yang melibatkan kehartaan. Perluasan kewajipan zakat kepada bentuk-bentuk harta yang tidak dinyatakan secara tuntas oleh nas-nas Syarak seperti al-Quran, al-Sunnah serta *Ijma'* dibuat melalui kaedah *qiyas* berdasarkan '*illah* hukum zakat.<sup>28</sup> '*Illah* hukum yang dikenalpasti bagi mengenakan zakat ini adalah terletak kepada prinsip *nama'* atau subur harta-harta berkenaan. Ini bermaksud harta berkenaan berkembang atau produktif samada secara sendiri atau melalui usaha-usaha dan aktiviti ekonomi yang lain. Oleh yang demikian, harta-harta yang mempunyai ciri berkembang ini akan dizakatkan berdasarkan syarat-syarat zakat seperti cukup haul dan nisab. Beberapa sarjana Islam telah menggariskan beberapa syarat-syarat yang dapat menjelaskan sama ada sesuatu harta itu dikategorikan di bawah harta yang perlu dizakatkan atau tidak. Yusuf al-Qardhawi menyatakan bahawa terdapat enam syarat umum yang boleh dikenakan kepada semua kategori harta iaitu; pemilikan sempurna, cukup nisab, cukup haul, subur, melebihi keperluan asasi dan

---

<sup>27</sup> Saiful Yazan Ahmad dan Norlida Ab Wahab, *Mudahnya Takaful: Soalan Lazim bagi Rujukan dan Kefahaman Pantas* (Sintok: UUM Press, 2017): 86.

<sup>28</sup> Ahmad Hidayat Buang, 'Harta-Harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum', *Jurnal Syariah*. 6 (1998): 23-36; Hailani Muji Tahir, 'Kedudukan Illah, Nisab Kadar dan Haul dalam Menjana Sumber Zakat Korporat', Dalam Hailani Muji Tahir et al. (eds.), *Prosiding Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru* (Selangor: Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004): 1-20.



bebas daripada hutang.<sup>29</sup> Pandangan di atas merupakan satu bentuk ijtihad bagi meluaskan skop harta-harta zakat berasaskan kepada ciri-ciri intrinsiknya berasaskan kepada *'illah* hukum dan tidak semata melihat kepada nas-nas Syariah secara literal atau zahir. Syarat-syarat ini akan dijelaskan seperti di bawah.

## 1. Subur

Bagi syarat harta yang dikenakan zakat iaitu subur, ia bermaksud harta yang apabila diusahakan oleh pemiliknya, mengeluarkan keuntungan dan faedah atau harta itu berkembang dengan sendirinya. Pandangan daripada al-Kasani (m.587H), seorang ulama mazhab Hanafi, menjelaskan bahawa harta yang subur ialah harta yang berpotensi untuk dikembangkan sama ada secara alami atau diusahakan oleh pemiliknya serta mendatangkan keuntungan dan faedah dengan cara yang halal.<sup>30</sup> Melihat kepada pengaplikasiannya dalam sumbangan atau caruman takaful keluarga, wang tersebut yang disalurkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) akan dilaburkan oleh operator takaful bagi mendapat keuntungan. Jika terdapat keuntungan ia akan diagihkan kepada peserta sebagai dividen atau pulangan berasaskan perjanjian sama ada *mudarabah* atau *wakalah*. Jelas di sini, secara mudah dan terpisah, wang yang dilaburkan itu bersifat subur atau berkembang kerana boleh diusahakan bagi mendapatkan keuntungan dan oleh itu ianya diwajibkan zakat. Namun, penilaian seperti ini tidak mengambil kira perspektif yang lebih luas, iaitu tujuan utama pembentukan takaful, yang bertujuan melindungi peserta daripada risiko. Situasi ini boleh disamakan dengan pelaburan harta wakaf atau harta awam yang mendatangkan keuntungan. Fatwa atau pandangan sarjana Islam juga menetapkan bahawa harta wakaf atau awam yang menghasilkan keuntungan tidak dikenakan zakat.

## 2. Melebihi Keperluan Asasi

Syarat ini mempunyai hubungan dalam penentuan had kifayah atau had kecukupan seseorang terutama dalam konteks definisi fakir atau miskin. Ianya lebih melihat kepada keperluan individu itu sendiri dan tidak semata-mata kepada harta berkenaan. Keperluan asasi yang dikecualikan dari kewajipan zakat bagi individu ialah makanan, tempat tinggal, pakaian serta

---

<sup>29</sup> Mahmood Zuhi Abdul Majid, 'Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia', *Jurnal Syariah*. 3/1 (1995): 56-63.

<sup>30</sup> Muḥammad Amīn Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyat Radd al-Muḥtār* (Mesir: Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1966): 263.

apa-apa keperluan yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan. Muhammad ‘Uthman Syabir menyatakan keperluan asasi tidak dihadkan kepada perkara asas atau *daruri* sahaja, malah ia boleh berubah skopnya kepada perubatan, pelajaran, melunaskan hutang serta perbelanjaan pernikahan.<sup>31</sup> Perluasan skop dalam menentukan keperluan asasi ini perlu dilihat berdasarkan perkembangan zaman dan keadaan setempat. Perluasan skop ini dianggap wajar apabila melihat kepada dana yang disimpan dan pelaburan yang diuruskan oleh syarikat pengendali takaful akan memberi pulangan yang melebihi keperluan asasi. Namun begitu jika diperhatikan secara lebih mendalam wang pampasan takaful terutama yang melibatkan kemalangan ikat kekal dan bantuan kepada waris yang kehilangan ketua keluarga sebagai punca pendapatan keluarga bertujuan untuk membantu peserta takaful berkenaan dan keluarga mereka untuk dapat meneruskan penghidupan dengan selesa. Oleh yang demikian penerimaan bayaran pampasan takaful kepada peserta atau waris mereka adalah bagi memenuhi keperluan mereka bagi meneruskan kehidupan. Jika demikian keadaannya penulis berpandangan wang pampasan takaful baik sama ada dari Dana Risiko atau Dana Pelaburan peserta Takaful tidak dikenakan zakat kerana bertujuan memenuhi keperluan peserta takaful dan keluarganya secara berpanjangan. Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan di mana takaful juga adalah satu bentuk bantuan bagi melindungi kenaikan kos sara hidup akibat inflasi. Mengikut MTA (Malaysia Takaful Association), ini antara potensi peningkatan produk Takaful di masa hadapan (Aniz Hazim, 2023).<sup>32</sup> Dalam pada itu pihak Bank Negara Malaysia semasa mengumumkan pelaksanaan perkongsian kos bersama untuk produk insurans dan takaful perubatan yang bermula pada 1 September 2024 menegaskan tujuan program tersebut adalah untuk menangani kos perubatan yang terus meningkat.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Syubair, Muḥammad ‘Uthmān, ‘al-Zakāh wa Ri‘āyah al-Hājāt al-Asāsiyyah’, *Majallat al-Shari‘ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, Jāmi‘at al-Kuwayt*. 14/6 (1989): 125-182; Asyqar, Muḥammad Sulaymān et al., *Abḥāth Fiqhiyyah fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu‘āṣirah* (Jordan: Dār al-Nafā’is, 1998): 362.

<sup>32</sup> Aniz Hazim, ‘Malaysian takaful industry grows 18.3% in 2022 on higher demand for Islamic finance – MTA’, *The Edge*, <https://theedgemalaysia.com/node/663160>, akses pada 12 April 2023.

<sup>33</sup> *Mingguan Malaysia*, ‘Pembayaran bersama untuk produk insurans, takaful tangani inflasi’ (7 Julai 2024): 3.

### 3. Bebas Daripada Hutang

Harta yang dikenakan zakat itu juga perlu bebas daripada hutang. Ia bermaksud apabila terdapat jumlah hutang yang wajib dibayar pada tahun tersebut, hukum zakat tidak dikenakan. Hal ini turut menjadikan nisbah hartanya berkurang daripada kadar nisab zakat yang ditetapkan. Perlu diberi perhatian bahawa jumlah keseluruhan hutang yang ditanggung tidak diambil kira kerana yang dinilai adalah milik dan tanggungan pada tahun itu sahaja.<sup>34</sup> Berdasarkan kepada pandangan ini, jika diperhatikan kepada tujuan takaful secara keseluruhannya adalah satu bentuk perlindungan untuk mengurus risiko yang bakal dihadapi oleh peserta takaful pada masa hadapan. Ini adalah kerana pengurusan risiko Islam disokong dengan prinsip *tawakkal* yang berasaskan kepada hadis riwayat Anas bin Malik dari kumpulan hadis Tirmidhi dan Bayhaqi.<sup>35</sup> Penggunaan prinsip *tawakkal* adalah sesuai dengan teologi ahli Sunnah wal Jamaah yang memberi maksud segala ketentuan adalah milik Allah swt setelah segala usaha-usaha pencegahan telah diambil bagi mengelak kemudaratan. Ini adalah kerana usaha untuk mengelak kemudaratan serta sikap berhati-hati merupakan antara prinsip terpenting Maqasid Shariah iaitu *al-Darar Yuzal* (kemudaratan dihapuskan). Oleh itu konsep atau prinsip pengurusan risiko di dalam takaful mempunyai asas yang kuat di dalam Islam dari kedua-dua aspek teologi atau akidah dan Shariah.<sup>36</sup> Oleh yang demikian sebarang wang pampasan yang diterima itu adalah sesuatu yang akan digunakan bagi menguruskan risiko yang dihadapi. Keadaan ini mempunyai persamaan dengan hutang kerana peserta takaful atau waris mereka akan menggunakan wang berkenaan bagi tujuan pengurusan risiko dan oleh itu tidak boleh dianggap sebagai harta yang dikenakan zakat.

### 4. Pemilikan Yang Sempurna

Pemilikan yang ditakrifkan oleh para fuqaha ialah satu hubungan syari'e antara seseorang dengan sesuatu benda. Hubungan itu memberi keistimewaan kepada seseorang untuk menguasai dan menguruskan harta tersebut sepenuhnya dan dapat menghalang orang lain daripada memiliki.

---

<sup>34</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003): 111.

<sup>35</sup> Asmak Ab Rahman, Nor Hanani Ahmad dan Nuurshiraathal Firdaws Abd Rani, *Peranan Takaful dalam Menangani Risiko yang Dialami Wanita* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022): 8.

<sup>36</sup> Ahmad Hidayat Buang, 'Ulasan Buku: Peranan Takaful Dalam Menangani Risiko Yang Dialami Wanita', *Jurnal Syariah*. 31/2 (2023): 285.

Takrifan tersebut menjelaskan bahawa pemilikan itu bukanlah sesuatu yang bersifat fizikal, namun sesuatu yang diiktiraf oleh hukum Syarak untuk melakukan apa-apa bentuk tindakan atau urusanniaga ke atas pemilikannya. Keupayaan untuk melakukan urusanniaga ini dibahagikan kepada dua iaitu secara bebas atau mutlak dan secara terhad. Dari segi istilah yang pertama dikenali sebagai pemilikan sempurna (*milk tam*) dan kedua pemilikan tidak sempurna (*milk naqis*). Ini termasuklah memiliki zat dan manfaat sesuatu benda tersebut sekali gus.<sup>37</sup> Dalam konteks hukum zakat, para fuqaha telah bersepakat bahawa kewajipan zakat hanya kepada pemilikan sempurna.

Apabila melihat kepada konteks sumbangan takaful keluarga di dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP), harta tersebut adalah milik sumbangan secara asalnya kerana terdapat hak kepemilikan namun pencarum tidak mempunyai kebebasan untuk menggunakan wang berkenaan kerana tertakluk kepada persetujuan dengan syarat-syarat dana takaful. Dalam hubungan ini pihak LZS menyatakan bahawa sumbangan tersebut tidak dikenakan zakat selagimana berada di dalam tabung atau dana zakat kerana ia berstatus harta tidak sempurna. Namun ia akan dikenakan zakat apabila dikeluarkan oleh peserta kerana pada ketika itu wang berkenaan telah menjadi milik sempurna di mana peserta boleh dan bebas melaksanakan apa-apa transaksi yang dikehendaki tertakluk memenuhi syarat-syarat wajib zakat yang lain. Begitu juga sekiranya wang sumbangan takaful berkenaan boleh dikeluarkan oleh peserta seperti *cash value* maka wang tersebut dianggap sebagai milik sempurna. Dari segi hukum zakat syarat ini sebagaimana yang dijelaskan di atas hanya melihat kepada harta tanpa melihat kepada aspek-aspek yang lain seperti melebihi keperluan asasi dan bebas dari hutang seperti di atas. Hukum kewajipan zakat sesuatu harta perlu melihat kesemua aspek-aspek ini secara holistik.

## 5. Cukup Nisab

Nisab adalah jumlah minima sesuatu harta yang berada dalam pemilikan seseorang yang diwajibkan zakat. Jumlah minima ini ditentukan kadarnya oleh Hadis Rasulullah s.a.w. terhadap beberapa bentuk harta seperti emas, perak, biji-bijian dan binatang ternakan. Di dalam hadis riwayat Bukhari Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak wajib zakat pada mata wang (perak) yang kurang dari lima *awqiah*, tidak pula pada unta yang kurang dari lima ekor dan pada kurma yang kurang dari lima *wasq*. Manakala dalam riwayat

---

<sup>37</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Jld. 4 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1984) 4: 58.

Muslim, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak dikenakan zakat tamar dan biji-bijian yang kurang dari lima *wasq*”. Antara hikmah syarat nisab ialah tanpanya sudah tentu orang miskin juga diwajibkan zakat. Mengikut amalan semasa bagi menentukan nisab harta yang berbentuk kewangan, nisab emas akan digunakan di mana nilai 20 *mithqal* atau dinar emas mengikut kiraan LZS seperti yang disebut di dalam Hadis riwayat Abu Daud dan Baihaqi adalah bersamaan dengan 85 gram emas. Penggunaan nilai emas adalah sesuatu yang praktikal untuk dijadikan ukuran standard kepada harta-harta zakat berbentuk kewangan kerana kemudahcairan dan kestabilannya serta digunakan dengan meluas sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.<sup>38</sup> Dalam konteks wang sumbangan peserta takaful, apabila wang berkenaan telah mencapai jumlah nisab emas sebanyak 85 gram maka ia wajib dizakatkan.

## 6. Cukup Haul

Ia merujuk kepada tempoh masa setahun bagi sesuatu harta itu dinilai. Para fuqaha berbeza pendapat dalam mewajibkan syarat haul selama tempoh dua belas bulan *qamariyah*. Ada yang mewajibkan syarat tersebut, ada pula yang tidak.<sup>39</sup> Yusuf al-Qaradawi berpandangan tidak semestinya sesuatu harta itu perlu digenapkan setahun untuk dizakatkan. Menurut beliau syarat haul terpakai bagi harta seperti haiwan ternakan, barang perniagaan, mata wang serta harta yang dikategorikan sebagai modal. Manakala harta yang bersifat pendapatan seperti hasil galian dan hasil pertanian tidak disyaratkan haul. Hal ini kerana harta bersifat pendapatan seperti pertanian akan berkurangan jumlah hasilnya sekiranya menunggu tempoh haul.<sup>40</sup> Dalam hubungan zakat bayaran pampasan atau faedah takaful jika bayaran tersebut dianggap sebagai simpanan maka syarat haul terpakai, jika ia dianggap sebagai pendapatan maka syarat haul tidak terpakai, di mana penerima bayaran tersebut akan terus mengeluarkan zakat sebaik sahaja menerima bayaran berkenaan.

---

<sup>38</sup> Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad Amalan dan Pengalaman di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat, 2012): 137.

<sup>39</sup> Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad Amalan dan Pengalaman di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat, 2012): 164.

<sup>40</sup> Shahidra Binti Abdul Khalil, ‘Hukum Zakat Ke Atas Wang Caruman Takaful: Kajian di Syarikat Takaful Malaysia Berhad’, 93.

## **HUKUM ZAKAT KE ATAS PENCARUM TAKAFUL KELUARGA**

Di Malaysia, punca kuasa perundangan mengenai zakat terletak di bawah undang-undang pentadbiran Agama Islam (negeri-negeri) kecuali di dua buah negeri yang telah memperuntukkan pentadbiran dan pengurusan zakat di bawah enaknya tersendiri iaitu Kedah dan Sabah. Badan pelaksana dalam hal ehwal zakat juga telah ditetapkan di setiap negeri. Misalnya bagi negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) bertanggungjawab mengelola dan menguruskan zakat bersesuaian dengan arahan dan perintah yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor dengan kuasa yang diberikan oleh Sultan. Dalam penentuan hukum-hukum zakat, pihak LZS akan merujuk kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor iaitu badan yang berautoriti dalam menentukan hukum-hukum agama Islam di dalam negeri. Oleh kerana pengurusan zakat di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri, sudah semestinya wujud perbezaan dalam amalan dan pengurusan zakat berdasarkan fatwa negeri masing-masing. Berdasarkan kajian penulis, hanya negeri Selangor yang menetapkan takaful di bawah kategori harta yang dikenakan zakat. Pada tahun 2017, fatwa mengenai zakat takaful di bawah kategori zakat harta telah dilaksanakan oleh LZS. Ini menjadikan zakat harta di negeri Selangor semakin meluas antaranya ialah Zakat Pendapatan, Zakat Wang Simpanan, Zakat Perniagaan, Zakat Pelaburan dan Saham, Zakat Tanaman Padi, Zakat Emas dan Perak, Zakat KWSP, Zakat Harta Galian, Zakat Penternakan dan Zakat Takaful. Seperti yang disebutkan di atas, harta daripada bayaran sumbangan, manfaat dan pampasan takaful ini diqiyaskan kepada prinsip *al-nama'* iaitu harta yang berkembang. Berdasarkan prinsip tersebut, perolehan dari takaful ini akan dikenakan zakat setelah mencukupi syarat-syaratnya. Kebanyakan pengkaji melihat persoalan utama yang berkaitan dengan zakat takaful berdasarkan syarat haul dan pemilikan sempurna. Persoalan berkaitan dengan syarat haul mempunyai kaitan dengan kategori zakat iaitu sama ada zakat pendapatan yang tidak dikenakan syarat haul dan zakat wang simpanan yang disyaratkan haul.<sup>41</sup> Manakala persoalan berkenaan pemilikan sempurna melihat kepada situasi di mana zakat akan dikenakan secara tahunan tertakluk kepada syarat haul atau dikenakan zakat apabila harta berkenaan diperolehi berdasarkan kepada prinsip *mal al-mustafad*. Dalam situasi berkenaan perolehan takaful berkenaan dianggap sama sahaja dengan wang yang berada dalam akaun bank atau harta perniagaan seseorang yang dikenakan zakat pada setiap tahun.

---

<sup>41</sup> Lembaga Zakat Selangor 2023

Perolehan takaful yang diletakkan di bawah kategori zakat pendapatan yang dikenakan zakat hanya apabila harta berkenaan diperolehi tanpa menunggu syarat haul adalah termasuk pampasan takaful setelah berlaku kematian yang akan diterima oleh waris si mati, wang pulangan tunai dana *tabarru'*, manfaat keilatan kekal dan menyeluruh, dan pampasan pada jumlah pokok insurans yang disumbang. Manakala di bawah kategori zakat wang simpanan yang dibayar zakat pada setiap tahun haul ialah polisi takaful yang matang dan zakat wang simpanan atau pelaburan takaful yang mempunyai nilai serah. Pembahagian ini menjelaskan bahawa zakat takaful ini mengguna pakai kaedah perkiraan yang berbeza iaitu perkiraan zakat pendapatan dan zakat wang simpanan. Perbezaan yang timbul ini disebabkan syarat harta zakat yang berbeza mengikut keadaan wang takaful itu diterima oleh peserta takaful. Prinsip zakat pendapatan ini menggunakan kaedah zakat harta-harta modal (*mustafad*) seperti tanah (biji-bijian), bangunan (sewa) serta pekerjaan (upah) yang zakat dibayar apabila hasil diperolehi.

Seperti yang telah diulas dalam syarat pemilikan sempurna sebelum ini, pemilikan menjadi sempurna apabila berlaku wang perolehan takaful diserahkan kepada peserta takaful dalam enam keadaan iaitu (1) apabila polisi takaful telah matang, (2) pampasan takaful yang diterima apabila peserta meninggal dunia dalam tempoh kuatkuasa sijil takaful, (3) peserta memperoleh wang pulangan atau dividen tunai dana *tabarru'* (4) peserta takaful menerima manfaat keilatan kekal dan menyeluruh, (5) pampasan pada jumlah pokok insurans yang dicarum, dan (6), *surrender value* iaitu apabila peserta menamatkan polisi takaful dengan menerima sejumlah wang dari dana pelaburan atau simpanan takaful. Dalam keadaan tersebut, penerimaan wang caruman diklasifikasikan sebagai pemilikan sempurna. Sekiranya sumbangan caruman yang terkumpul di dalam dana tersebut tidak boleh dikeluarkan dan masih dalam pengendalian syarikat pengendali takaful, ia dianggap sebagai tidak sempurna. Apatah lagi sumbangan tersebut dimasukkan ke dalam dana *tabarru'* yang bukan lagi menjadi milikan peserta takaful secara peribadi. Oleh kerana itu, zakat tidak dikenakan ke atas sumbangan caruman tersebut. Namun sekiranya peserta takaful boleh mengeluarkan wang berkenaan pada bila-bila masa seperti *cash value* maka ia dianggap milik sempurna dan kewajipan zakat dikenakan apabila saja mencukupi nisab pada setiap haul zakat.

Bagi ahli waris yang menerima manfaat takaful baik dalam bentuk pampasan, penamaan atau pusaka zakat perlu ditunaikan dalam bentuk zakat pendapatan apabila memenuhi syarat nisab setelah selesai melangsaikan hutang sama ada melibatkan hutang dengan Allah (hutang zakat) mahupun hutang sesama manusia serta menyelesaikan upah haji jika

si mati tidak berpeluang mengerjakan haji. Namun bagi pampasan insurans konvensional pemegang polisi atau waris hanya perlu mengeluarkan zakat pada jumlah pokok bayaran insurans yang dicarum. Oleh itu sebarang lebihan daripada jumlah pokok yang diperolehi melalui simpanan, pelaburan atau pampasan tidak dikenakan zakat kerana ianya dianggap sebagai tidak patuh Syariah bagi tujuan pembayaran zakat. Ini memandangkan wang lebihan tersebut diperolehi daripada akad yang tidak sah menurut hukum Syarak. Bahkan wang tersebut juga tidak boleh diwarisi oleh waris. Namun sekiranya waris merupakan golongan fakir miskin, mereka dibenarkan untuk menggunakan wang tersebut sekadar yang diperlukan sahaja dan jika jumlah yang diambil melebihi nisab, wajib zakat pendapatan ke atas waris.<sup>42</sup> Pengecualian dari menunaikan zakat dibenarkan apabila waris terdesak untuk mencukupkan keperluan asasi dan tiada jalan lain yang dapat membantu waris melainkan menggunakan wang tersebut untuk saraan hidup. Namun begitu pemegang polisi insurans konvensional berkenaan atau waris boleh melupuskannya kepada Baitulmal atau didermakan kepada golongan fakir dan miskin bagi tujuan kebajikan. Sekiranya wang pampasan itu diterima daripada caruman oleh pihak majikan, ia dibenarkan untuk menggunakannya dan diwajibkan zakat ke atas harta berkenaan.<sup>43</sup>

## **TAKSIRAN ZAKAT TAKAFUL KELUARGA**

Zakat takaful keluarga ini mempunyai pelbagai kategori yang menjadikan ia perlu dikeluarkan zakat. Bagi kategori zakat wang simpanan atau pelaburan, setiap tahun pencarum takaful keluarga perlu membayar zakat ke atas nilai simpanan yang boleh dikeluarkan sahaja (*cash value*), ia tidak termasuk *surrender value* (jumlah wang yang akan diterima sekiranya membatalkan polisi takaful). Zakat di bawah kategori ini dikenakan terhadap *cash value* adalah kerana transaksi wang tersebut boleh dilakukan tanpa menunggu tempoh polisi takaful tamat atau matang. Ia dihukumkan seperti zakat wang simpanan yang dibuat di institusi perbankan. Hukum zakat ke atas polisi takaful yang matang juga mengikut kepada hukum zakat wang simpanan kerana ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa oleh peserta. Kaedah pengiraan zakat bagi semua kategori seperti di atas boleh dikeluarkan sama secara berasingan atau dicampur dengan lain-lain wang simpanan dan pelaburan yang dimiliki berasaskan nisab nilai emas semasa

---

<sup>42</sup> Muzakarah jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-94 bertarikh 20-24 April 2011

<sup>43</sup> <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-takaful/>



sebanyak 2.5%.<sup>44</sup> Kaedah pengiraan zakat sebegini adalah dalam keadaan di mana wang simpanan atau pelaburan takaful tidak pernah dikeluarkan zakat. Sebagaimana yang dimaklumi melalui laporan tahunan syarikat pengendali Takaful, mereka mengeluarkan zakat daripada dana pemegang saham syarikat secara tahunan berasaskan kepada zakat perniagaan. Tiada sebarang zakat dikeluarkan daripada dana peserta atau dari dana takaful. Ini bermakna peserta takaful atau waris serta penama mereka perlu mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas. Namun begitu sebagaimana yang dinyatakan di atas, tujuan takaful adalah sebagai perlindungan bagi diri sendiri dan keluarga. Ia juga suatu bentuk pertolongan antara sesama peserta-peserta takaful. Apatah lagi sekiranya peserta itu sendiri termasuk dalam kategori asnaf yang memerlukan bantuan zakat bagi memenuhi keperluan hidup akibat dari kemalangan yang menyebabkan kehilangan punca pendapatan bagi peserta takaful atau bantuan sara hidup kepada ahli-ahli keluarga peserta itu sendiri seperti isteri yang tidak bekerja atau anak-anak yang masih kecil. Dalam keadaan sebegini wang simpanan atau pampasan takaful pada pandangan penulis boleh tidak dikenakan zakat.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian, zakat bagi wang caruman takaful keluarga diqiyaskan sebagai harta yang berkembang berdasarkan prinsip *al-nama'* sebagaimana harta-harta kewangan yang lain seperti wang simpanan bank atau pelaburan. Menerusi hasil dapatan juga penulis mendapati dalam keenam-enam syarat umum kewajipan zakat yang digariskan oleh sarjana Islam seperti Yusuf al-Qaradawi, terdapat tiga syarat yang menjadi fokus utama dalam menentukan hukum zakat ke atas wang caruman takaful keluarga iaitu syarat cukup haul, nisab dan pemilikan sempurna. Walaupun terdapat perbezaan pandangan mengenai syarat cukup haul, penulis bersetuju dengan pandangan Yusuf al-Qaradawi yang membezakan syarat haul bagi dua kategori zakat di bawah zakat takaful. Hal ini demikian kerana harta bagi kategori zakat wang simpanan yang bersifat modal berpotensi untuk berkembang, maka zakat boleh diambil daripada keuntungan atau perkembangannya setelah cukup haul. Manakala haul tidak dikenakan bagi kategori zakat pendapatan dengan menyamakannya seperti hasil tanaman yang diperolehi di mana zakat dikenakan pada saat hasil diperolehi. Dalam hal ini, zakat perlu dikeluarkan terus tanpa disyaratkan haul. Bagi

---

<sup>44</sup> Laman web Lembaga Zakat Selangor: <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-takaful/>

perbincangan mengenai pemilikan sempurna, ia sudah jelas menjadi milik pencarum apabila berlaku serahan berdasarkan enam keadaan yang disebutkan di atas. Jika penyimpanan dan pelaburan wang caruman masih di bawah syarikat pengendali takaful, ia tidak dianggap pemilikan sempurna.

Melalui perbincangan seperti di atas dapat disimpulkan kajian berkaitan zakat ke atas wang caruman takaful tertumpu kepada syarat-syarat harta sahaja dan menyamakannya seperti harta-harta yang lain. Oleh itu tidak hairan pihak-pihak berkuasa zakat seperti LZS mewajibkan pembayaran zakat daripada wang simpanan, pelaburan dan pampasan takaful. Setakat dikaji, didapati tiada sebarang perbincangan dilakukan mengenai keunikan skim atau pelan takaful dalam pengurusan perlindungan risiko serta aspek sumbangan bantu membantu sesama peserta takaful. Aspek ini jika dianalisis akan memberi kesan kepada syarat-syarat yang disebutkan oleh al-Qaradawi terutama yang berkaitan dengan keperluan asasi dan bebas daripada hutang yang menyebabkan zakat boleh tidak dikenakan kepada peserta takaful dan waris mereka terutama yang melibatkan wang pampasan Takaful. Oleh yang demikian demi untuk memelihara kebajikan peserta takaful dan waris mereka yang telah bersetuju menyumbang dalam skim perlindungan risiko ini serta mencapai Maqasid Syariah dalam aspek *hifz al-mal*, maka amat wajar pihak-pihak berkuasa zakat mengkaji semula syarat-syarat kewajipan zakat harta takaful.

## **RUJUKAN**

- AAOIFI, *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions, Standard no. 26/2 (Islamic Insurance)* (Bahrain: AAOIFI, 2015).
- Ahmad 'Abdul 'Azizi al-Mazini, *Panduan Zakat*, terj. Prof.Madya Osman Hj Khalid (Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1989).
- Ahmad Hidayat Buang, 'Takaful Akad Insurans atau Mudarabah?', *Jurnal Syariah*. 4/1 (1996): 139-153.
- Ahmad Hidayat Buang, 'Harta-Harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum', *Jurnal Syariah*. 6 (1998): 23-36.
- Ahmad Hidayat Buang, 'Ulasan Buku: Peranan Takaful Dalam Menangani Risiko Yang Dialami Wanita', *Jurnal Syariah*. 31/2 (2023): 283-288.
- Mohamed Shaarani, Ahmad Zakirullah dan Ridzwan Ahmad, 'Aplikasi Konsep Khultah Dalam Pengiraan Zakat di Malaysia: Analisis Isu, Cabaran Dan Penyelesaiannya', *Jurnal Syariah*. 25/2 (2017): 187-216.

- Aniz Hazim, 'Malaysian takaful industry grows 18.3% in 2022 on higher demand for Islamic finance – MTA', The Edge, <https://theedgemaalaysia.com/node/663160> , akses pada 12 April 2023.
- Asmak Abd Rahman et. al, *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Kontemporari* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008).
- Asmak Ab Rahman, Nor Hanani Ahmad dan Nuurshiraathal Firdaws Abd Rani, *Peranan Takaful dalam Menangani Risiko yang Dialami Wanita* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022).
- Asyqar, Muḥammad Sulaymān et al., *Abḥāth Fiqhiyyah fī Qaḍāyā al-Zakāh al-Mu'āṣirah* (Jordan: Dār al-Nafā'is, 1998).
- Bank Negara Malaysia Annual Report, 2022.
- Bank Negara Malaysia. (2023). Takaful Annual Report. <https://www.bnm.gov.my>
- Engku Rabiah Adawiah dan Hassan Scott Odierno, *Essential Guide to Takaful (Islamic Insurance)* (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2008).
- Hailani Muji Tahir, 'Kedudukan Illah, Nisab Kadar dan Haul dalam Menjana Sumber Zakat Korporat', Dalam Hailani Muji Tahir et al. (eds.), *Prosiding Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru* (Selangor: Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004).
- Hendon Redzuan, Rubayah Yakob & Mohamad Abdul Hamid, *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans* (Selangor: Prentice Hall, Pearson Malaysia, 2006).
- Hendon Redzuan, Zuriah Abdul Rahman dan Sharifah Sakinah Syed Hassan Aidid, 'Economic Determinants of Family Takaful Consumption: Evidence from Malaysia', *International Review of Business Research Papers*. 5/5 (2009): 193-211.
- Jamil Ramly et. al., *Buku Panduan Asas Takaful*, edisi kedua (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010).
- Kahf, M. (2021). Zakat Management in Modern Islamic Economy. *Islamic Economic Studies*. 29(1): 45-67.
- Lembaga Zakat Selangor, 'Zakat Takaful'. <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-takaful/>, akses pada 7 April 2023.

- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 'Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia', *Jurnal Syariah*. 3/1 (1995): 56-63.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).
- Mohd. Faisal Ibrahim dan Suhaina Musani, *Zakat dan Pelaksanaan di Malaysia* (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2010).
- Mingguan Malaysia, 'Pembayaran bersama untuk produk insurans, takaful tangani inflasi' (7 Julai 2024).
- Muhammad Amīn Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyat Radd al-Muhtār* (Mesir: Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1966).
- Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad Amalan dan Pengalaman di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat, 2012).
- Nur Amirah Jaafar, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, 'Persepsi dan Tahap Pengetahuan Peserta dan Agen Takaful Terhadap Pelaksanaan Zakat Takaful: Kajian Di Shah Alam, Selangor', *International Journal of Islamic Studies and Civilizational Studies*. 6/2 (2019): 35-54.
- Nurul Atikah Zulkifli et. al, 'Kepentingan Takaful dalam Memperkasa Matlamat Pemuliharaan Nyawa', *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. UNISZA (23-24 November 2019).
- Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 'Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal', *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 39 (2005): 71-88.
- Shahidra Binti Abdul Khalil, 'Hukum Zakat Ke Atas Wang Caruman Takaful: Kajian di Syarikat Takaful Malaysia Berhad' (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006)
- Syubair, Muḥammad 'Uthmān, 'al-Zakāh wa Ri'āyah al-Ḥājāt al-Asāsiyyah', *Majallat al-Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, Jāmi'at al-Kuwayt*. 14/6 (1989): 125-182.
- Saiful Yazan Ahmad dan Norlida Ab Wahab, *Mudahnya Takaful: Soalan Lazim bagi Rujukan dan Kefahaman Pantas* (Sintok: UUM Press, 2017).
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Jld. 4 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1984).